

NO. KAD PENGENALAN:

						-			-			
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--

ANGKA GILIRAN:

--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA: TINGKATAN:



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI SELANGOR

PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2026 SEJARAH TINGKATAN 5

Kertas 1

1 jam

1249/1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

- 1 Apakah tanggungjawab Temenggung dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka?
- A Menguruskan kewangan
 - B Menjaga keselamatan
 - C Mengetuai tentera
 - D Membaiki kapal
- 2 Bagaimanakah golongan diperintah menunjukkan kesetiaan kepada sultan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
- I Mengutip hasil cukai
 - II Menghadiri majlis umum
 - III Menyumbang tenaga kerja
 - IV Menjaga keselamatan darat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 3 Mengapakah gerakan Pan-Islamisme tercetus di Empayar Uthmaniyah dan Mesir?
- A Mengekalkan kebudayaan asal
 - B Memperkuat rasa persaudaraan
 - C Mengelakkan penyelewengan kuasa
 - D Menghapuskan pemerintahan beraja
- 4 Puisi berikut merupakan karya Harun Aminurrashid.

Semenanjung

Apakah mesej yang ingin disampaikan melalui puisi tersebut?

- A Cintai negara
- B Eratkan silaturahmi
- C Utamakan pendidikan
- D Tekankan pemodenan



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

5 Apakah kesan Perang Dunia Pertama yang berlaku pada 1914 hingga 1918?

- A Kemelesetan ekonomi negara
- B Perkembangan ideologi baharu
- C Keruntuhan pemerintahan beraja
- D Pembentukan pakatan ketenteraan

6 Berikut merupakan slogan yang telah digunakan oleh pihak Jepun.

Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya

Apakah matlamat penggunaan slogan tersebut?

- A Meluaskan pasaran ekonomi
- B Membentuk pakatan ketenteraan
- C Menubuhkan kawasan perlindungan
- D Meningkatkan persaudaraan sejagat

7 Apakah matlamat British Military Administration (BMA) setelah kembali ke Tanah Melayu pada 12 September 1945?

- A Memulihkan kestabilan negara
- B Membentuk negara merdeka
- C Menjimatkan kos pentadbiran
- D Menamatkan pemerintah beraja

8 Charles Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada 1 Julai 1946. Mengapakah terdapat penduduk yang menyokong penyerahan tersebut?

- A Meneruskan sistem birokrasi
- B Memajukan penduduk tempatan
- C Mengekalkan pemerintahan monarki
- D Mempercepatkan kemerdekaan negeri



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

- 9 Pentadbir British telah berunding dengan Raja-raja Melayu untuk mengatasi konflik berhubung isu Malayan Union.
Apakah cadangan Raja-raja Melayu dalam rundingan tersebut?
- A Jawatan Gabenor dikekalkan
 - B Kewarganegaraan yang sama
 - C Persekutuan bertaraf naungan
 - D Majlis Perundangan dibentuk
- 10 Bagaimanakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 dapat mewujudkan perpaduan?
- A Mewujudkan satu bentuk kewarganegaraan
 - B Menjadikan bahasa Melayu bahasa kebangsaan
 - C Memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi
 - D Menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
- 11 Bagaimanakah Parti Komunis Malaya (PKM) meluaskan pengaruhnya selepas Perang Dunia Kedua?
- I Bergerak sebagai parti yang sah
 - II Membuka cawangan Main School
 - III Bekerjasama dengan pihak British
 - IV Menyusup masuk kesatuan sekerja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

12 British telah mengharamkan parti politik berikut semasa zaman darurat 1948.

- Hizbul Muslimin
- Angkatan Wanita Sedar (AWAS)
- Ikatan Pembela Tanah Air (PETA)
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

Mengapakah parti tersebut diharamkan?

- A Menubuhkan pasukan gerila
 - B Menuntut kebebasan bersuara
 - C Menyebarkan fahaman radikal
 - D Mengancam keselamatan rakyat
- 13 Apakah idea perjuangan kemerdekaan oleh Kesatuan Melayu Muda (KMM) melalui konsep Melayu Raya?
- A Penubuhan negara demokrasi
 - B Pertahankan hak peribumi
 - C Penyatuan bangsa serumpun
 - D Penekanan perpaduan kebangsaan
- 14 Apakah teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan yang telah dikemukakan oleh Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956?
- A Sistem peperiksaan yang selaras
 - B Pendidikan percuma untuk semua
 - C Jenis persekolahan mengikut kaum
 - D Kandungan kurikulum yang seragam
- 15 Pernyataan berikut berkaitan dengan pilihan raya peringkat negeri tahun 1954.

Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 228 kerusi.

Mengapakah berlaku sedemikian?

- A Kerjasama pelbagai kaum
- B Kejayaan manifesto bersama
- C Kewibawaan seseorang calon
- D Keberkesanan jentera kempen



- 16 Apakah kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan tahun 1955 kepada pemimpin tempatan?
- A Mengatur kewangan negara
 - B Berperanan dalam pentadbiran
 - C Berkuasa mengurus keselamatan
 - D Menentukan taraf kewarganegaraan
- 17 Mengapakah Suruhanjaya Reid ditubuhkan oleh British di Tanah Melayu?
- A Menilai kerjasama kaum
 - B Menetapkan sempadan negeri
 - C Merangka perlembagaan negara
 - D Menentukan tarikh kemerdekaan
- 18 Apakah inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- I Pelaksanaan Pilihan Raya Umum
 - II Pengenalan Pendidikan Kebangsaan
 - III Pengamalan Raja Berperlembagaan
 - IV Pembentukan kewarganegaraan Persekutuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 19 Apakah persediaan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Sambutan bagi memeriahkan sambutan kemerdekaan negara?
- I Memilih lagu kebangsaan
 - II Membina tempat sambutan
 - III Menganjurkan kursus protokol
 - IV Menempah bendera kebangsaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

20 Negara kita menyertai pertubuhan berikut selepas mencapai kemerdekaan.

- Anglo Malayan Defence Agreement (AMDA)
- Komanwel

Apakah faedah yang diperoleh negara kita daripada pertubuhan tersebut?

- A Memajukan prasarana awam
- B Meningkatkan ekonomi semasa
- C Mengukuhkan pertahanan negara
- D Menjamin kebebasan pentadbiran

21 Mengapakah konsep daulat penting dalam politik Melayu tradisional?

- I Mengikat taat setia rakyat
 - II Memperkukuh kedudukan raja
 - III Memperluas peranan pembesar
 - IV Menyekat kemasukan kuasa luar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

22 Bagaimanakah pemerintah menjamin kedaulatan negara melalui pembangunan ekonomi?

- A Mengeksploitasi kekayaan hasil bumi
- B Meningkatkan perdagangan antarabangsa
- C Menggalakkan keyakinan pelaburan asing
- D Mengagihkan sumber kekayaan secara adil

23 Mengapakah British memperkenalkan Charter of Justice di Negeri-negeri Selat pada abad ke-19?

- A Melindungi penduduk asal
- B Mempelbagai aktiviti ekonomi
- C Meningkatkan taraf hidup rakyat
- D Menghalang campur tangan kuasa asing

24 Mengapakah Parlimen meluluskan pindaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 7 Ogos 1965?

- A Penamatan darurat
- B Pemisahan Singapura
- C Pertukaran pemerintah
- D Pembentukan Malaysia

25 Bagaimanakah Majlis Raja-Raja memainkan peranan dalam sistem Raja Perlembagaan?

- I Melantik Perdana Menteri
 - II Menggubal undang-undang
 - III Memilih Yang di-Pertuan Agong
 - IV Memperkenan pindaan perlembagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

26 Apakah bidang kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong?

- A Menggubal sistem perundangan
- B Mengetuai perkhidmatan awam
- C Melantik Panglima Angkatan Tentera
- D Memperkenankan Rang Undang-Undang

27 Mengapakah Perlembagaan memperuntukkan kuasa yang lebih besar kepada Kerajaan Persekutuan berbanding Kerajaan Negeri?

- I Menjamin kestabilan
 - II Mengekalkan warisan
 - III Menguasai pentadbiran
 - IV Meningkatkan kemajuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

28 Berikut adalah kerajaan tempatan di negara kita.

- Majlis Daerah
- Majlis Bandaraya
- Majlis Perbandaran

Apakah fungsi kerajaan tersebut?

- A Membina rumah ibadat
- B Menyenggara jalan raya
- C Mengawal sempadan negeri
- D Memberi bantuan kewangan

29 Mengapakah Barisan Sosialis di Singapura menentang pembentukan Malaysia?

- A Menolak sistem demokrasi berparlimen
- B Mahukan kemerdekaan secara berasingan
- C Menganggapnya sebagai penjajahan baharu
- D Mahu mengekalkan pemerintahan tempatan

30 Maklumat berikut berkaitan satu peristiwa dalam sejarah Malaysia.

Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia (1963–1966)

Apakah tindakan yang diambil oleh Indonesia semasa konflik tersebut?

- A Mengadakan rundingan damai
- B Mewujudkan kerjasama kaum
- C Melancarkan serangan gerila
- D Menghantar surat bantahan

31 Sarawak menghadapi krisis perlembagaan pada Jun 1966 yang melibatkan kepimpinan negeri. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi menangani krisis tersebut?

- A Menghantar pasukan tentera
- B Mengadakan pilihan raya
- C Mengisytiharkan darurat
- D Membubarkan kabinet

- 32 Maklumat berikut berkaitan satu seruan oleh Sultan Perak kepada rakyat pada tahun 1969.

“Jangan biarkan perkara ini berlaku di negeri Perak.”

Apakah tujuan seruan tersebut?

- A Menghentikan rusuhan kaum
 - B Mengawal penyebaran maklumat
 - C Memperkukuh sistem pentadbiran
 - D Menggalakkan kemajuan ekonomi
- 33 Semasa penjajahan British di Tanah Melayu, hubungan antara kaum menjadi sukar. Apakah faktor yang menyebabkan keadaan tersebut berlaku?
- A Rusuhan antara kaum
 - B Dasar pembangunan bandar
 - C Kekurangan kemudahan asas
 - D Pengasingan kegiatan ekonomi
- 34 Dialog berikut berlaku antara guru dan murid berkaitan kesan pengamalan prinsip Rukun Negara.

Syed Syakur : Cikgu Azhari, apakah perkara yang sepatutnya dilakukan jika kita menjunjung setiap prinsip Rukun Negara?
Cikgu Azhari : Ya Syed Syakur. Kita perlu sentiasa menghormati institusi raja dan simbol negara.

Berdasarkan dialog di atas, apakah prinsip Rukun Negara yang dikaitkan dengan dialog tersebut?

- A Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- B Kedaulatan Undang-undang
- C Kesopanan dan Kesusilaan
- D Keluhuran Perlembagaan



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

35 Agensi berikut ditubuhkan semasa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
- Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN)
- Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

Apakah tujuan penubuhan agensi tersebut?

- A Membuka peluang pekerjaan
 - B Menggiatkan aktiviti penyelidikan
 - C Mewujudkan komuniti berdaya saing
 - D Menambah pengeluaran bahan makanan
- 36 Bagaimanakah kerajaan melaksanakan pembangunan wilayah di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?

- I Menggunakan konsep pertanian pintar
 - II Melakukan penyebaran industri terpilih
 - III Melahirkan pekerja berkemahiran tinggi
 - IV Melibatkan bumiputera dalam perusahaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

37 Maklumat berikut berkaitan perubahan pengamalan dasar luar Malaysia.



Apakah faktor yang mempengaruhi perubahan tersebut?

- A Nilai sejarah
- B Persekitaran luar
- C Ikatan keagamaan
- D Kebolehan pemimpin

- 38 Malaysia menandatangani Perisytiharan Lusaka pada tahun 1970 semasa Persidangan Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM) di Zambia. Apakah iltizam NAM melalui perisytiharan tersebut?
- A Memperjuangkan hak asasi manusia
 - B Menentang pencerobohan kuasa besar
 - C Mendesak pengharaman senjata nuklear
 - D Mempertahankan kedaulatan negara kecil
- 39 Apakah isu global kontemporari yang dihadapi oleh Malaysia?
- I Pencemaran udara
 - II Pencerobohan hutan
 - III Pertindihan sempadan
 - IV Penyalahgunaan dadah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 40 Malaysia mencadangkan agar pentadbiran Antartika diletakkan di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Mengapakah cadangan tersebut dikemukakan?
- A Penyelidikan saintifik dalam kawalan
 - B Dominasi negara maju dapat diteruskan
 - C Hasil yang diperoleh dinikmati bersama
 - D Kelestarian alam sekitar kekal terpelihara

KERTAS SOALAN TAMAT